

# Jangan cari salah orang saja — Dr. M

MM 20 MAR 1977

TIMBALAN Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan masa depan masyarakat akan hancur jika para belia tidak mempertahankan nilai-nilai hidup yang baik sekarang.

Beliau juga mengecam setengah golongan belia yang menganggap ia boleh melakukan sesuatu kesalahan disebabkan adanya orang lain yang melakukan kesalahan itu.

Beliau membuat ingatan ini ketika berucap merasmikan bengkel pembangunan lima tahun (PELITA) yang kedua Belia 4B Malaysia bagi kawasan timur di sini pagi tadi.

Dr. Mahathir telah disambut oleh Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Abdul Rahman Ismail dan pemimpin-pemimpin belia ketika tiba di lapangan terbang di sini dan kemudian diiringi oleh perarakan motosikal oleh 42 orang pemuda ke Pusat Latihan Belia di mana tempat bengkel itu diadakan.

Presiden Belia 4B, Malaysia, Haji Suhaimi Datuk Kamaruddin hadir sama di majlis itu dan bengkel tersebut disertai oleh 200 orang dari Pahang, Trengganu dan Kelantan.

## Nilai

Timbalan Perdana Menteri berkata, ketika usaha-usaha dibuat membentuk nilai-nilai hidup yang sesuai seperti menunjukkan kesalahan menyalahgunakan dadah ada pula yang menghalangnya dengan menunjukkan kesalahan orang lain.

"Sikap inilah yang merosakkan dan kalau orang lain melakukan jenayah tidak semestinya kita boleh mencuri kerana tidak sesuai dengan nilai hidup, tegasnya lagi.

Dr. Mahathir memberitahu, walaupun ada yang minum arak itu adalah kesalahan mereka sendiri yang mereka telah dewasa dan hidupnya tidak akan kekal lama.

Tetapi untuk masa depan negara kita dan yang akan hidup lama adalah pemuda-pemuda hari ini, jelas beliau.

Timbalan Perdana Menteri kemudian memberikan penghargannya kepada Gerakan Belia 4B Malaysia kerana mempunyai kegiatan dan perjuangan yang baik untuk masyarakat dan negara.

Dalam hubungan ini beliau menyebutkan pula tentang masih banyak badan-badan dalam ma-

sarakat hari ini mengadakan majlis-majlis perbincangan, bengkel, forum dan sebagainya yang tidak mendatangkan kesan.

Menurutnya, kadang-kadang majlis itu lebih merupakan untuk melepaskan geram, mengutuk dan menyering kepada mereka yang tidak ada sama dalam majlis itu.

Keputusan yang diambil adalah mende-sak kepada badan yang lain untuk bertindak dan bila dapati tidak dilaksanakan maka keciwa sahaja akhirnya.

Beliau menambah, ini mendatangkan faedah apabila buat keputusan orang lain diminta bertindak sedang kita duduk dan menunjuk ajar sahaja.

"Pemuda -pemuda disuruh mendesak diri mereka sendiri supaya mengamalkan nilai hidup yang memandang penyalahgunaan dadah itu satu kesalahan.

Tetapi ada pula yang akan berkata, apa gunanya desak diri sendiri sedangkan ada orang lain dan pemimpin-pemimpin kita yang minum arak, ujanya lagi.

Sambil menegaskan bahawa sikap itu salah, beliau bertanya, apakah kerana ada orang yang lain buat salah maka tidak salah kita berbuat jahat?